

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK**  
**[KUALA PILAH]**  
**TARIKH : 28 OKTOBER 2015**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Sri Hasan bin Malek [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mempertingkatkan kemudahan serta peralatan dan penempatan Doktor Pakar di Hospital Jempol memandangkan Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah tidak mampu untuk menampung limpahan pesakit terutamanya daripada Daerah Jempol pada masa ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Hospital Jempol merupakan hospital daerah tanpa pakar yang terletak hanyalah 35km dari Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah. Pelbagai langkah telah dibuat bagi menyediakan perkhidmatan kepakaran di Hospital Jempol di mana perkhidmatan perubatan tersebut diberikan oleh pegawai perubatan yang telah dilatih dalam bidang masing-masing di samping pakar pelawat dari Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah dan Hospital Tuanku Jaafar, Seremban yang

memberikan perkhidmatan secara berkala. Kes-kes biasa akan dirawat di Hospital Jempol manakala kes-kes yang rumit akan dirujuk terus ke hospital berpakar yang berdekatan. Buat masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) belum ada cadangan untuk menaiktaraf hospital ini kepada Hospital Berpakar.

**Tuan Yang di-Pertua,**

KKM sebagai penyedia perkhidmatan kesihatan utama di negara ini senantiasa menaiktaraf perkhidmatan hospital-hospital selari dengan perkembangan teknologi perubatan. Hospital-hospital KKM akan dinaiktaraf dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan kritikal perkhidmatan dan juga kemampuan peruntukan kewangan semasa. KKM telah menyalurkan sejumlah RM850,000.00 ke Hospital Jempol pada tahun 2014 / 2015 untuk naiktaraf peralatan perubatan (aset) sedia ada.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : Lisan
- DARIPADA** : Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd  
Akin [ Bukit Katil ]
- TARIKH** : 28 Oktober 2015 (Rabu)
- SOALAN** : Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd  
Akin minta **MENTERI PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan:-
- (a) berapakah baki terkini keluasan kawasan tanah yang digazet untuk pertanian di seluruh negeri Melaka; dan
  - (b) apakah fokus tanaman utama yang disasarkan untuk kawasan pertanian tersebut

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

a) Keluasan tanah yang digazet bagi program pertanian yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di seluruh negeri Melaka adalah seluas 261.01 hektar untuk tujuan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Sehingga kini, tiada lagi baki bagi tanah yang digazetkan untuk kegunaan pertanian. Tanah- tanah yang digazet ini terletak di empat lokasi seperti berikut:

Bil	Kawasan/Lokasi	Keluasan (Hek)	Jenis Tanaman
1.	TKPM Selandar	152	Mangga, pisang, durian, kelapa, jambu batu, pitaya, nangka, tembikai dan sayur-sayuran.
2.	TKPM Pulau Gadong	4.14	Cili dan Rock Melon.
3.	Kompleks Pertanian Pulau Gadong	35	Kelapa, ciku, mangga, jambu batu dan tanaman herba.

4.	Kompleks Pertanian Sungai Udang	69.87	Tanaman eksotik seperti nanam, mentega dan kedondong dan tanaman herba.
----	---------------------------------------	-------	---

b) Fokus tanaman adalah buah-buahan dan sayuran yang berkaitan dengan program ETP (Economic Transformation Programme) untuk tujuan peningkatan pengeluaran bagi menampung keperluan domestik dan eksport. Sebagai contoh, TKPM Selandar dan TKPM Pulau Gadong adalah termasuk dalam EPP 7 (Premium fruits and vegetables).